

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ROHANI BT. ABDUL KARIM  
[ Batang Lumar ]**

**TARIKH : 09 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lumar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat dasar baharu yang membenarkan pasangan warganegara asing kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan taraf penduduk tetap atas kepakaran dari segi intelektual dan kemahiran yang mereka miliki seperti saintis, kaunselor terlatih dan sebagainya supaya mereka dapat berkhidmat di negara ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada pemegang Permit Masuk. Justeru, mana-mana warga asing yang berhasrat untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap perlulah mengemukakan permohonan Permit Masuk di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terlebih dahulu sebelum merujuk ke JPN untuk pengeluaran MyPR.

Dalam hal ini, pengeluaran Permit Masuk kepada setiap warga asing dipertimbangkan dengan teliti terutamanya daripada segi latar belakang yang merangkumi umur, kelayakan akademik, kemahiran Bahasa Malaysia, tempoh menetap di Malaysia, nilai pelaburan dan pekerjaan / pengalaman serta aspek keselamatan demi kesejahteraan warganegara Malaysia.

Bagi pasangan kepada warganegara Malaysia, mereka layak dipertimbangkan pemberian Permit Masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963. Walau bagaimanapun, permohonan Permit Masuk golongan tersebut masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan JIM iaitu:

1. Pemohon perlu mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang Pasangan kepada warganegara untuk tempoh melebihi lima (5) tahun;
2. Pemohon perlu mendaftar perkahwinan di Malaysia;
3. Pemohon perlu melepassi tapisan keselamatan (halus) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan bebas daripada Senarai Syak / Senarai Hitam Jabatan Imigresen Malaysia; dan

## **SOALAN: 16**

4. Pemohon perlu melalui sesi temuduga dan naziran bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur.

Bagi permohon dalam kategori profesional atau pakar yang bukan pasangan kepada warganegara pula, mereka layak memohon Permit Masuk berdasarkan kriteria dan syarat yang ditetapkan seperti berikut:

1. Memiliki kepakaran dalam bidang kritikal di negara ini yang mencapai taraf ‘*world class*’ dan diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa. Kepakaran pemohon juga hendaklah ditentukan dan diperakukan oleh Agensi Kawal Selia yang berkaitan di Malaysia berdasarkan bidang kepakaran masing-masing;
2. Memiliki kemahiran dalam bidang kritikal di negara ini yang telah diperakukan oleh Agensi Kawal Selia yang berkaitan di Malaysia;
3. Mengemukakan Surat Perakuan Kelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*) dari negara asal pemohon sebagai jaminan pemohon bersih daripada sebarang rekod jenayah di negara asal;
4. Pemohon telah bekerja dalam mana-mana agensi Kerajaan atau swasta di negara ini bagi tempoh 3 tahun dan ke atas. Jawatan yang disandang perlu disahkan oleh Agensi Kawal Selia yang berkaitan;
5. Semua permohonan hendaklah melalui proses tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
6. Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan seperti salinan pasport, curriculum viate dan salinan sijil-sijil kelayakan serta pengiktirafan yang disahkan oleh Kedutaan atau Perwakilan negara asal pemohon di Malaysia.